

# JAWAPAN

Unit  
1

## Kenali Moral

### Modul PBD

#### 1. Definisi Moral

- Mengikut norma masyarakat
- Tingkah laku yang baik atau buruk
- Mengikut peraturan
- Tingkah laku yang betul atau salah
- Berdasarkan undang-undang
- Diterima agama

#### 2. Baik:

Tingkah laku yang diterima oleh masyarakat

##### Benar:

Tingkah laku yang betul berdasarkan fakta dan bukti yang sah

##### Patut:

Tingkah laku yang sesuai dibuat dan diterima oleh masyarakat

#### 3. (a) Hubungan dengan orang lain semakin mesra

- (b) Mendapat kepercayaan dan keyakinan orang lain
- (c) Membantu untuk membuat keputusan yang betul dan tepat

#### 4. (a) Kecewa. Sepatuannya sebagai murid yang lebih 'senior', mereka harus menunjukkan tingkah laku yang baik agar dapat dicontohi oleh murid-murid lain.

- (b) Bangga. Sepatuannya murid-murid lain mempunyai kesedaran diri yang tinggi seperti yang ditunjukkan oleh Shamitha dan rakan-rakannya.

#### 5. Baik:

Tindakan Kamal melaporkan kesalahan Kumar dan Hafiz yang membawa dan menggunakan telefon bimbit di kawasan sekolah kepada guru disiplin merupakan perbuatan yang baik.

##### Benar:

Kumar dan Hafiz telah bercakap benar kerana mengakui kesalahan mereka membawa dan menggunakan telefon bimbit di kawasan sekolah.

##### Patut:

Tindakan guru disiplin mengenakan hukuman kepada Kumar dan Hafiz adalah patut selepas kesalahan mereka dibuktikan. (Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

#### 6. (a) Baik:

Tindakan Kumar memberitahu Chong bahawa dia terlupa membawa buku teks yang dipinjamnya secara jujur merupakan perbuatan yang baik.

##### Benar:

Kumar telah bercakap benar kerana mengakui kesalahannya, iaitu terlupa untuk membawa buku teks Pendidikan Moral milik Chong.

##### Patut:

Tindakan Kumar meminta maaf kepada Chong adalah patut kerana dia terlupa untuk membawa buku teks Pendidikan Moral milik Chong.

#### (b) Baik:

Tindakan Chong meminjamkan buku teks Pendidikan Moral kepada Kumar merupakan perbuatan yang baik.

##### Benar:

Chong telah bercakap benar, iaitu dia berasa marah pada mulanya apabila dia mengetahui bahawa Kumar terlupa membawa buku teks Pendidikan Moral miliknya.

##### Patut:

Tindakan Chong memaafkan kesalahan Kumar adalah patut selepas Kumar mengakui kesilapannya.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

#### 7. (a) Baik:

Tindakan rakan mengajak saya menaiki kereta kabel merupakan perbuatan yang baik.

##### Benar:

Saya perlu bercakap benar bahawa saya mengalami masalah gayat.

##### Patut:

Tindakan saya menolak ajakan rakan secara sopan adalah patut kerana saya mengalami masalah gayat.

#### (b) Baik:

Tindakan saya melaporkan perbuatan kawan baik saya yang meniru dalam peperiksaan merupakan perbuatan yang baik.

##### Benar:

Rakan saya perlu bercakap benar dengan mengakui kesalahan yang dilakukannya, iaitu meniru dalam peperiksaan.

##### Patut:

Tindakan guru mengenakan hukuman kepada rakan saya adalah patut selepas kesalahannya dibuktikan supaya rakan saya tidak mengulangi kesalahan itu lagi.

#### (c) Baik:

Tindakan saya memberitahu guru tentang sebab rakan saya tidak dapat menyertai aktiviti gotong-royong merupakan perbuatan yang baik.

##### Benar:

Rakan saya perlu bercakap benar dengan memberitahu sebab dia tidak dapat menyertai aktiviti gotong-royong tersebut.

##### Patut:

Tindakan rakan saya tidak menyertai aktiviti gotong-royong adalah patut kerana dia perlu mendapatkan rehat yang secukupnya.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

### Power KBAT

#### 1. Tingkah laku bermoral di kantin:

- Beratur semasa membeli makanan
- Meletakkan pinggan mangkuk yang digunakan ke dalam besen yang disediakan
- Duduk di tempat yang disediakan
- Membuang sampah ke dalam tong sampah
- Menutup paip air selepas mencuci tangan

#### Tingkah laku bermoral di kantin:

- Berebut-rebut semasa membeli makanan
- Berbuat bising seperti menjerit-jerit
- Membazir makanan dan minuman
- Duduk secara tidak sopan
- Meninggalkan pinggan mangkuk yang digunakan di atas meja

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)